

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (58)

15 Disember 2025
24 Jamadilakhir 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 56/2025

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, permohonan bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Gred Utama B (VU6) (Terbuka) di Universiti Teknologi Malaysia adalah dibuka untuk permohonan bermula dari 15 Disember 2025.

2. Sebagai makluman, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka bagi membolehkan semua staf Universiti berkecenderungan yang berminat untuk mengemukakan permohonan.
3. Sehubungan dengan itu, semua staf yang layak boleh mengemukakan permohonan masing-masing untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut dengan melengkapkan borang permohonan di pautan, <https://registrar.utm.my/epengambilan>.
4. Semua permohonan perlu dihantar sebelum atau pada **9 Januari 2026 (Jumaat)** melalui borang permohonan yang telah disediakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred	: Gred Utama B (VU6) (Terbuka)
Gaji	: Pakej imbuhan mengikut skala dan kelayakan elaun
Tempoh Pelantikan	: Tertakluk kepada kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi

2. KRITERIA UMUM

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan dan perundingan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv. Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti, calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh Universiti.

3. KRITERIA KHUSUS JAWATAN

i. Berkemampuan Menguruskan Aktiviti Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar

Calon mestilah berpengalaman dalam merancang, menerajui dan menguruskan aktiviti pembangunan serta hal ehwal pelajar (merangkumi kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan) di peringkat Universiti, kebangsaan atau antarabangsa.

ii. Merekabentuk dan Melaksanakan Kokurikulum Berkredit dan Tidak Berkredit untuk Kemenjadian Pelajar

Calon mestilah mahir dalam merekabentuk dan menginovasi kokurikulum berkredit dan tidak berkredit yang berteraskan hasil pembelajaran, kemahiran insaniah serta pembudayaan adab di samping merangka aktiviti yang meningkatkan kemenjadian pelajar berminda keusahawanan bagi melahirkan pelajar yang holistik dan bernilai murni.

iii. Berpengalaman dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman

Calon memiliki asas dalam pengurusan kolej kediaman dan berkemahiran menangani isu pelajar bagi memelihara keharmonian, seterusnya membentuk suasana pembelajaran yang kondusif.

iv. Mempunyai Jaringan Hubungan yang Luas serta Dihormati dalam Kalangan Alumni

Calon mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dalam kalangan alumni.

v. Berpengalaman dalam Kepimpinan Pelajar

Calon berpengalaman sebagai pemimpin pelajar atau membentuk pemimpin pelajar dan berpengalaman melibatkan diri dalam program mentor, menjadi penasihat persatuan atau penasihat aktiviti pelajar.

vi. Berpengalaman dalam Pengurusan Tatatertib Pelajar

Calon berpengalaman dalam menguruskan hal ehwal tatatertib pelajar di peringkat fakulti atau Universiti.

4. CARA PERMOHONAN

- Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi di pautan, <https://registrar.utm.my/epengambilan>.
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **9 Januari 2026**.
- Calon-calun yang berkecualan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek atau dipanggil temu bual.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada :

Dato' Dr. Mohd Sharil bin Abdullah

Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel : pendaftar@utm.my

Encik Nurul Amrie bin Abdullah

Timbalan Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

No. Telefon : 019-715 0031

E-mel : nurulamrie@utm.my